



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI (MATEPM) 2019

Putrajaya, 19 November - Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (ATEPM) merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada pemenang terbaik keseluruhan di Pertandingan WorldSkills Malaysia Kategori Belia (WSMB) dan Pengajar (WSMP) 2019. Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri ini telah mula diperkenalkan pada tahun 1991 semasa Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia (PJKM) yang merupakan cetusan idea YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad di mana beliau merupakan penaung bagi pertandingan tersebut. Kesenambungan daripada itu, penganugerahan tersebut masih diteruskan sehingga kini.

Penganjuran program seumpama ini merupakan antara usaha Kerajaan untuk memberi pengiktirafan kepada belia dan tenaga pengajar yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang kemahiran masing-masing seterusnya dapat mempromosikan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di Malaysia. Majlis ini mengumpulkan lebih daripada 2000 orang warga TVET dari pelbagai agensi awam dan swasta dari seluruh negara.

Pertandingan WorldSkills Malaysia Kategori Belia (WSMB) 2019 peringkat akhir telah diadakan bermula 10 Oktober 2019 hingga 22 Oktober 2019 di lima (5) lokasi iaitu di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam, Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Timur, Terengganu, Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian Kayu (WISDEC) Banting, Tiong Nam Motor (Body & Paint) Sdn Bhd,

Klang dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang. Maklumat terperinci pertandingan WSMB dan WSMP 2019 adalah seperti di **Lampiran 1**. Pertandingan WSMB peringkat akhir pada tahun ini melibatkan penyertaan seramai 308 belia mahir di dalam 31 bidang kemahiran yang dipertandingkan. Peserta-peserta adalah kalangan pelajar-pelajar institusi TVET dan pekerja industri dari seluruh negara.

Tujuan pertandingan WSMB ini dijalankan adalah untuk melahirkan tenaga kerja mahir bagi keperluan industri melalui :

- Mengiktiraf belia dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul;
- Melahirkan juara kemahiran bertaraf dunia;
- Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan bidang kemahiran kepada pembangunan negara; dan
- Memilih peserta negara ke pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa.

Pertandingan WorldSkills Malaysia Kategori Pengajar (WSMP) 2019 peringkat akhir juga telah diadakan pada tarikh yang sama di dua lokasi iaitu di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang yang melibatkan penyertaan seramai 21 orang pengajar dari institusi TVET awam dan swasta dalam 3 bidang kemahiran. Tujuan penganjuran pertandingan WSMP adalah untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan tenaga pengajar; membangunkan kekompetenan tenaga pengajar bertaraf dunia; dan mengukur tahap kekompetenan tenaga pengajar di institusi awam dan swasta.

Sebelum mara ke peringkat akhir, peserta-peserta pertandingan WSMB dan WSMP 2019 ini perlu bersaing di peringkat pra-kelayakan. Pertandingan peringkat pra-kelayakan telah diadakan sepanjang bulan April 2019 lepas yang melibatkan seramai 1,110 orang peserta kategori WSMB dan 45 orang peserta kategori WSMP.

Pemenang-pemenang pertandingan WSMB dan WSMP ini akan menerima insentif wang tunai seperti di **Lampiran 2**. Pemenang-pemenang pertandingan WSMB juga berpeluang untuk menyertai pertandingan kemahiran peringkat ASEAN iaitu ASEAN Skills Competition (ASC) Singapore 2020 seterusnya ke peringkat dunia, WorldSkills Competition (WSC) Shanghai 2021. Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan

Kementerian Kerja Raya (KKR) selaku urusetia bersama akan mengenalpasti bidang-bidang yang menunjukkan prestasi cemerlang yang akan dipilih untuk mewakili negara ke pertandingan peringkat antarabangsa tersebut.

Selain daripada pertandingan WSMB dan WSMP, pada tahun 2019 pertandingan kemahiran peringkat pelajar sekolah atau *Junior Skills Malaysia (JSM)* juga telah dianjurkan. Pertandingan Junior Skills Malaysia telah dilaksanakan di UiTM Pulau Pinang pada 11-12 Oktober 2019 serta di CIAST Shah Alam pada 20-21 Oktober 2019. Pertandingan JSM ini melibatkan 5 bidang kemahiran iaitu *Mobile Robotic, Graphic Design Technology, Drone Operating, Web Design* dan *Electrical Installation* yang melibatkan penyertaan seramai 68 orang pelajar sekolah menengah berumur 15 tahun ke bawah.

Penyertaan dan pencapaian pelajar-pelajar TVET dalam pertandingan kemahiran sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa merupakan penanda-aras kepada tahap kualiti pendidikan dan latihan kemahiran di Malaysia. Modul pertandingan yang digunakan di dalam WSMB dan WSMP adalah mengikut standard pertandingan peringkat dunia iaitu WorldSkills Competition (WSC). Modul pertandingan adalah mengikut teknologi terkini dan keperluan industri di peringkat global di mana boleh dijadikan panduan dalam membangunkan kurikulum latihan di institusi TVET.

Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
Putrajaya.
19 November 2019

Lampiran 1

PERTANDINGAN AKHIR WSMB, WSMP & JSM 2019

1. WSMB

Bil.	Bidang Anjuran JPK	Bil Peserta	Tarikh	Tempat
1	Automobile Technology	12	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
2	Bakery	8	11-13 Oktober	UiTM Pulau Pinang
3	Beauty Therapy	7	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
4	Cabinetmaking	8	11-13 Oktober	Wisdec Banting
5	Car Painting	8	11-13 Oktober	Tiong Nam Klang
6	Cooking	10	11-13 Oktober	UiTM Pulau Pinang
7	Electronics	8	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
8	Fashion Technology	7	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
9	Floristry	8	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
10	Graphic Design Technology	9	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
11	Hairdressing	7	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
12	IT Software SFB	11	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
13	IT Network SA	7	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
14	Jewellery	8	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
15	Mechatronics	14	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
16	Pastry	8	11-13 Oktober	UiTM Pulau Pinang
17	Restaurant Services	11	11-13 Oktober	UiTM Pulau Pinang
18	Visual Merchandising	8	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
19	Web Technology	12	19-21 Oktober	CIAST Shah Alam
Jumlah		171		
Bil.	Bidang Anjuran KKR	Bil Peserta	Tarikh	Tempat
20	Bricklaying	11	19-21 Oktober	ABM Wilayah Timur, Terengganu
21	Electrical Installations	11		
22	Joinery	10		
23	Mechanical CADD Engineering	10		
24	Painting & Decorating	14		

25	Refrigeration & Air Conditioning	12		
26	Wall & Floor Tiling	12		
27	Welding	9		
28	Plumbing & Heating	9		
29	Carpentry	10		
30	Landscape Gardening	10		
31	Plastering & Drywall Systems	19		
Jumlah		137		
JUMLAH KESELURUHAN		308		

2. WSMP

Bil.	Bidang	Bil Peserta	Tarikh	Tempat
1	Bakery	8	11-13 Oktober	UiTM Pulau Pinang
2	Beauty Therapy	6	19-21 Oktober	UiTM Pulau Pinang
3	Hairdressing	7	19-21 Oktober	CIAS, Shah Alam
JUMLAH		21		

3. JSM

Bil.	Bidang	Bil Peserta	Tarikh	Tempat
1	Web Technology	8	12 Oktober	UiTM, Pulau Pinang
2	Electrical Installations	6	20 Oktober	CIAS, Shah Alam
3	Drone Technology	26		
4	Mobile Robotics	24		
5	Graphic Design Technology	4	20-21 Oktober	
JUMLAH		68		

Lampiran 2

INSENTIF KEPADA PEMENANG PERTANDINGAN WSMB DAN WSMP

ANUGERAH / PINGAT	WSMB	WSMP
Anugerah Tangan Emas	RM10,000.00	RM10,000.00
Platinum	-	RM10,000.00
Emas	RM5,000.00	RM7,000.00
Perak	RM2,500.00	RM5,000.00
Gangsa	RM1,500.00	RM3,000.00
Medallion for Excellence	RM500.00	RM500.00